KETUA SETIAUSAHA
Secretary General
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 2539
Faks: 03-8889 5245

Ruj Kami : KKM.600-16/24/1 Jld.3 (18)

Tarikh : 5 Disember 2018

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Hospital

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 4 TAHUN 2018

PELANTIKAN DAN PERANAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkaitan pelaksanaan pelantikan, penamatan serta peranan Ahli Lembaga Pelawat Hospital KKM.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Satu kajian telah dilaksanakan terhadap Ahli Lembaga Pelawat Hospital oleh KKM pada Julai hingga Ogos 2018 yang meliputi skop objektif, bilangan keahlian, implikasi kewangan dan cadangan penambahbaikan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peranan Ahli Lembaga Pelawat Hospital adalah masih relevan dan perlu diteruskan dengan dibuat beberapa penambahbaikan.

2.2 Selaras dengan perkembangan semasa, terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik dan diperkemaskan seperti prosedur, fungsi dan pelaksanaan Lembaga Pelawat Hospital. Penambahbaikan ini adalah bagi melicinkan proses pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital dan memastikan peranan mereka sebagai penghubung antara hospital dan komuniti dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun dan berkesan.

3. PELANTIKAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL

3.1 KEAHLIAN LEMBAGA

(a) Tiap-tiap hospital mewujudkan Lembaga Pelawat Hospital yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 10 orang ahli atau maksimum 15 orang ahli.

(b) Sebaiknya Ahli Lembaga Pelawat Hospital hendaklah terdiri daripada calon-calon yang mempunyai pengetahuan dalam bidang penjagaan kesihatan, daripada pelbagai agama, kaum, jantina dan mewakili badan-badan bukan kerajaan atau masyarakat setempat.

(c) Seseorang itu hanya boleh dilantik menjadi ahli untuk satu Lembaga Pelawat Hospital sahaja.

(d) Keahlian Lembaga Pelawat Hospital tidak boleh dipindah ke Negeri bermastautin yang baharu.

3.2 KRITERIA PENCALONAN

Calon-calon yang dicadangkan untuk dilantik hendaklah:

(a) Warganegara Malaysia, berumur tidak melebihi 70 tahun semasa tarikh pencalonan;

(b) Sihat dari segi fizikal dan mental;

(c) Tiada sebarang rekod jenayah termasuk tidak disabitkan di Mahkamah;

(d) Bukan seorang yang diisytihar bankrap;

(e) Bukan seorang Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Majlis Tempatan;

(f) Bermastautin di Negeri berkenaan; dan

(g) Terdiri daripada mereka yang sedia memberi sumbangan tenaga secara sukarela.

3.3 SYARAT-SYARAT PELANTIKAN

(a) Keahlian Ahli Lembaga Pelawat Hospital perlu dilantik oleh YB Menteri Kesihatan setelah mempertimbangkan syor daripada Pengarah Hospital.

(b) Tempoh sah keahlian Ahli Lembaga Pelawat Hospital adalah bagi tempoh dua (2) tahun dan berakhir pada 31 Disember pada tahun ke-2 lantikan. Tempoh lantikan sesuatu penggal pelantikan ialah tidak melebihi dua (2) tahun seperti yang dinyatakan dalam Kad Pengenalan Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

(c) Atas pertimbangan YB Menteri Kesihatan, tempoh keahlian selama dua (2) tahun boleh dilanjutkan sehingga maksimum dua (2) penggal iaitu empat (4) tahun dengan cadangan Pengarah Hospital berdasarkan sumbangan yang aktif dan prestasi memuaskan.

(d) Semua pelanjutan melebihi daripada dua (2) penggal memerlukan persetujuan khas oleh YB Menteri Kesihatan.

(e) Keahlian dalam Lembaga Pelawat Hospital adalah secara sukarela.

(f) Kementerian Kesihatan akan membayar elaun sebanyak RM100.00 kepada ahli-ahli yang hadir setiap kali Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Hospital. Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dan maksimum enam (6) kali setahun.

3.4 PROSEDUR PELANTIKAN

(a) Pengarah Hospital berkenaan dan Pemimpin Masyarakat Tempatan/ Ketua Pertubuhan/ Badan Sukarela hendaklah memulakan tindakan pelantikan dengan mengemukakan nama calon-calon sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh pelantikan tamat kepada Pejabat Menteri Kesihatan. Semua pencalonan hendaklah menggunakan borang pencalonan seperti di **Lampiran 1.**

(b) Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), KKM akan memproses dan mengemukakan nama calon-calon yang diterima untuk diluluskan oleh YB Menteri Kesihatan.

(c) Kad Pengenalan Ahli Lembaga Pelawat Hospital akan disediakan oleh BKP, KKM apabila borang pencalonan lengkap diterima daripada hospital berkenaan dan dikemukakan untuk ditandatangani oleh YB Menteri Kesihatan.

(d) Kad yang telah ditandatangani oleh YB Menteri Kesihatan akan dihantar oleh Pejabat YB Menteri Kesihatan kepada BKP, KKM untuk dihantar kepada hospital dan salinan kepada Pengarah JKN untuk makluman dan rekod.

(e) Selepas proses pelantikan selesai, Pengarah Hospital adalah dikehendaki untuk memberi taklimat kepada Ahli Lembaga Pelawat Hospital yang baharu mengenai tugas, peranan dan tanggungjawab setiap Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

(f) Setiap hospital hendaklah menyelenggarakan satu daftar/ rekod pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

(g) Carta aliran proses pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital adalah seperti di **Lampiran 2**.

3.5 PENAMATAN KEAHLIAN

(a) Tiap-tiap ahli yang ingin berhenti daripada menjadi Ahli Lembaga Pelawat Hospital hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Pengarah Hospital melalui Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital

dengan menyatakan tarikh kuatkuasa pemberhentian tersebut supaya tindakan untuk mencadangkan pengganti dapat dilakukan segera. Penamatan adalah berkuatkuasa sebagaimana tarikh yang dimaklumkan oleh ahli tersebut. Pengarah Hospital perlu memaklumkan kepada BKP, KKM berkaitan ahli yang ingin berhenti dari menjadi Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

(b) Keahlian seseorang ahli dalam Lembaga Pelawat Hospital tamat dengan sendirinya apabila beliau tidak lagi bermastautin di Negeri berkenaan.

(c) Keahlian Lembaga Pelawat Hospital tidak boleh dipindah ke Negeri bermastautin yang baharu.

(d) Keahlian seseorang ahli dalam Lembaga Pelawat Hospital yang telah dilantik boleh ditamatkan keahliannya jika didapati maklumat yang diisi di dalam borang permohonan adalah palsu.

(e) Keahlian juga akan tamat dengan sendirinya sekiranya ahli didapati bankrap atau disabitkan kesalahan jenayah di mahkamah.

(f) Ahli-ahli yang gagal menghadiri mesyuarat sebanyak dua (2) kali berturut-turut tanpa sebab-sebab yang munasabah akan dilucutkan keahliannya.

(g) Ahli Lembaga Pelawat Hospital yang melanggar peraturan yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan sehingga dilucut keahlian dengan cadangan Pengarah Hospital kepada YB Menteri Kesihatan.

3.6 KUASA YB MENTERI KESIHATAN MELANTIK DAN MENAMATKAN KEAHLIAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL

YB Menteri Kesihatan berkuasa melantik dan menamatkan perkhidmatan mana-mana Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

4. PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN PERATURAN PERJALANAN LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL

4.1 TUGAS DAN FUNGSI

Tugas dan fungsi yang perlu dilaksanakan oleh Ahli Lembaga Pelawat Hospital ialah seperti berikut:

(a) Penghubung Antara Hospital Dan Komuniti

Bertindak sebagai penghubung dan mengeratkan hubungan antara Hospital dan Komuniti. Ahli Lembaga Pelawat Hospital boleh memainkan peranan perhubungan awam yang positif dengan memberi penerangan yang jelas kepada orang awam mengenai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh pihak hospital serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak hospital dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Dengan cara ini, imej dan peranan sesebuah hospital akan dapat diperbaiki dan perkhidmatan Lembaga Pelawat Hospital akan disanjung tinggi.

(b) Mengadakan Lawatan Ke Hospital

Mengadakan Lawatan Ke Hospital bagi mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh Hospital berkaitan perkhidmatan kepada pesakit dan waris, masalah yang dihadapi oleh pesakit dan waris berkaitan perkhidmatan hospital dan kebajikan pesakit yang boleh dilaksanakan bagi membantu pesakit dan waris.

Setiausaha Ahli Lembaga Pelawat Hospital hendaklah menyediakan laporan setiap lawatan dan membentangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

(c) Perkhidmatan Kebajikan Kepada Pesakit Dan Hospital

Memberi perkhidmatan kebajikan kepada pesakit-pesakit dan Hospital umpamanya dengan mengumpul buku-buku dan majalah untuk bacaan pesakit, mengumpul dan menghadiahkan pakaian lama kepada pesakit miskin serta mengumpul dan menghadiahkan barang-barang permainan kepada pesakit kanak-kanak.

Ahli Lembaga Pelawat Hospital juga boleh menyumbang atau mendapatkan bantuan kewangan daripada pihak lain misalnya untuk membaiki surau, menyediakan seni taman, tempat pesakit berehat dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sebarang sumbangan atau bantuan kewangan perlu dirujuk kepada Pengarah Hospital.

Pengarah Hospital boleh merujuk kepada BKP, KKM untuk mendapatkan pandangan sekiranya terdapat sebarang kemusykilan yang timbul berhubung dengan bantuan kewangan yang hendak diberikan oleh pihak lain.

(d) Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Hospital

Melibatkan diri dalam aktiviti hospital dengan komuniti seperti kempen menderma darah, kempen anti merokok dan sebagainya.

Ahli Lembaga Pelawat Hospital boleh mengatur program-program berkaitan untuk membantu Hospital menjayakan program-program yang dirancang.

4.2 PERKARA-PERKARA YANG DILARANG

Perkara-perkara yang dilarang bagi Ahli Lembaga Pelawat Hospital adalah seperti berikut:

(a) Dalam menjayakan semua tugas dan fungsi yang tersebut di atas, Ahli Lembaga Pelawat Hospital tidak dibenarkan untuk mengganggu dalam sebarang urusan pentadbiran hospital dan rawatan pesakit.

(b) Ahli Lembaga Pelawat Hospital juga tidak dibenarkan menggunakan kedudukan sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital bagi kepentingan peribadi.

(c) Kegagalan mematuhi perkara **4.2 (a)** dan **4.2 (b)** boleh mengakibatkan keahliannya ditamatkan oleh YB Menteri Kesihatan.

4.3 MESYUARAT DAN PENGERUSI MESYUARAT

(a) Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Hospital hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dan maksimum enam (6) kali setahun dan dipengerusikan oleh seorang Ahli Lembaga Pelawat Hopsital yang telah dilantik dan turut dihadiri oleh Pengarah Hospital/ wakil dan mana-mana pegawai yang ditetapkan oleh Pengarah Hospital berkenaan.

(b) Pemilihan Pengerusi tiap-tiap Lembaga Pelawat Hospital hendaklah terdiri daripada seorang Ahli Lembaga Pelawat Hospital yang dipilih dalam mesyuarat di mana kehadirannya tidak kurang dua pertiga daripada ahli-ahlinya. Dalam keadaan Pengerusi tidak dapat hadir, seorang ahli lain boleh dilantik daripada kalangan Ahli Lembaga Pelawat Hospital sebagai menggantikan Pengerusi bagi mesyuarat berkenaan.

(c) Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital adalah bertanggungjawab di atas kelancaran perjalanan Lembaga Pelawat Hospital yang dipengerusikannya.

(d) Tiap-tiap Lembaga Pelawat Hospital hendaklah memilih seorang Setiausaha dan Bendahari dalam mesyuarat di mana kehadiran ahli-ahii mesyuaratnya tidak kurang dua pertiga daripada ahli-ahlinya.

(e) Minit mesyuarat hendaklah disediakan oleh Setiausaha Lembaga Pelawat Hospital yang telah dilantik.

(f) Minit mesyuarat perlulah dikemukakan kepada Pengarah Hospital dan salinan kepada Pengarah JKN untuk tujuan pemantauan dan rekod.

4.4 URUS SETIA

(a) Timbalan Pengarah (Pengurusan)/ Bahagian Pengurusan Hospital akan bertindak sebagai urus setia untuk menguruskan perjalanan Lembaga. Alamat surat menyurat berkaitan Ahli Lembaga Pelawat Hospital boleh menggunakan di alamat (d/a) Hospital berkenaan.

(b) Tugas-tugas Urus Setia adalah:

i) Menyelenggara rekod keahlian Lembaga Pelawat Hospital;

ii) Memulakan tindakan untuk mengisi kekosongan kerana tempoh pelantikan baru atau peletakan jawatan;

iii) Berbincang dengan Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital bagi menyediakan jadual lawatan;

iv) Mengaturkan mesyuarat dan lawatan;

v) Mengedarkan salinan nota-nota dan laporan mesyuarat atau lawatan kepada pihak-pihak berkenaan; dan

vi) Mendapatkan balik Kad Pengenalan Ahli Lembaga Pelawat Hospital yang masih berkuatkuasa daripada ahli-ahli yang tidak lagi menjadi Ahli Lembaga Pelawat Hospital bagi tempoh berkenaan.

4.5 PERATURAN-PERATURAN LAWATAN

(a) Lawatan hendaklah dibuat tiga (3) bulan sekali. Sekiranya terdapat keperluan, lawatan boleh dibuat setelah mendapat kelulusan Pengarah Hospital.

(b) Bilangan Ahli Lembaga Pelawat Hospital dalam setiap kumpulan hendaklah tidak melebihi lima (5) orang setiap kumpulan.

(c) Ahli Lembaga Pelawat Hospital tidak dibenarkan menghantar wakil dalam apa juga keadaan.

(d) Ahli Lembaga Pelawat Hospital adalah dilarang membuat sebarang kenyataan dalam akhbar berkaitan dengan hasil lawatannya.

(e) Jadual lawatan hendaklah disediakan terlebih dahulu dan diedarkan kepada semua Ahli Lembaga Pelawat Hospital. Tarikh dan waktu lawatan akan diaturkan oleh urus setia.

(f) Semasa Ahli Lembaga Pelawat Hospital membuat lawatan di Hospital, wakil yang ditentukan oleh Pengarah Hospital hendaklah turut serta.

(g) Hasil Lawatan hendaklah dibentang dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

(h) Ahli Lembaga Pelawat Hospital boleh memeriksa dan membuat lawatan ke mana-mana Jabatan dan Unit dalam hospital dengan kebenaran Pengarah Hospital.

(i) Lawatan yang dilakukan hendaklah tidak menghalang pemeriksaan dan rawatan pesakit-pesakit yang ada di dalam wad.

(j) Tempat-tempat berikut adalah di larang untuk dilawati oleh Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital:

i) Dewan pembedahan;
ii) Dewan/Bilik bersalin;
iii) Bahagian Kesucian Hama;
iv) Wad Pengasingan;
v) Semua Unit Rawatan Intensif; dan
vi) Stor Perubatan dan lain-lain stor.

(k) Ahli Lembaga Pelawat Hospital boleh mendapatkan maklumat-maklumat daripada pesakit yang datang ke hospital untuk mendapatkan rawatan dan juga pesakit-pesakit dalam wad mengenai makanan, kebersihan, layanan kakitangan-kakitangan hospital, pakaian, tempat tidur dan lain-lain kemudahan yang diberi.

(l) Catatan-catatan dan rekod tiap-tiap pesakit dan rekod-rekod lain hospital tidak boleh diperiksa oleh Lembaga Pelawat Hospital.

(m) Setiap Ahli Lembaga Pelawat Hospital tidak boleh membincangkan dengan pesakit-pesakit tentang selok-belok dan teknik rawatan.

4.6 LAPORAN LAWATAN LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL

(a) Laporan hendaklah disediakan bagi setiap lawatan yang dibuat dan dikemukakan kepada pihak Pengurusan Hospital.

(b) Laporan hendaklah mengandungi pandangan, teguran, masalah-masalah, perkara-perkara yang ditimbulkan semasa lawatan dibuat dengan ulasan, cadangan dan syor untuk mengatasinya (jika ada) mengikut format seperti di **Lampiran 3**.

(c) Semua laporan Lembaga Pelawat Hospital adalah untuk kegunaan dalaman dan tidak boleh dibincang dengan orang awam atau diberikan kepada pihak media.

(d) Pengarah Hospital hendaklah mengemukakan laporan lawatan termasuk ulasan tersebut kepada Pengarah JKN sekiranya diperlukan.

5. TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa perubahan ini ialah mulai tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

6. PEMBATALAN

Dengan kuatkuasanya Pekeliling ini, maka Pekeliling Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2006 bertajuk Urusan Pelantikan Dan Peranan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan Surat Pekeliling Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2007 bertajuk Pindaan Prosedur Pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia adalah dibatalkan dan digantikan dengan Pelantikan dan Peranan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kementerian Kesihatan dalam Pekeliling ini.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)

s.k:

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YB Menteri Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan

LAMPIRAN 1

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BORANG PENCALONAN
AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL

PERHATIAN : Bagi calon-calon

1. Setiap calon perlu mengisi satu Borang Pencalonan dengan lengkap.
2. Setiap calon hendaklah berumur 70 tahun dan ke bawah dan bukan terdiri daripada mana-mana Wakil Rakyat/ Ahli Parlimen/ Dewan Undangan Negeri atau Ahli Majlis Tempatan.
3. Borang Pencalonan hendaklah disertakan dengan 2 Keping Gambar berukuran Pasport.
4. Borang Pencalonan hendaklah disampaikan kepada Pejabat YB Menteri Kesihatan, Aras 13, Blok E7, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh penerimaan borang ini.

NAMA HOSPITAL DAERAH/ NEGERI:_____

1. Nama Penuh : _____

(HURUF BESAR)

2. Nama Lain : _____

3. No. K/P :_____(Lama)_____(Baru)

4. Tarikh Lahir : _____

5. Tempat & Negeri Lahir : _____

6. Jantina : ( ) Lelaki ( ) Perempuan

7. Keturunan : ( ) Melayu ( ) Cina ( ) India ( ) Lain-lain Nyatakan:_____

8. Taraf Perkahwinan: ( ) Belum Berkahwin ( ) Berkahwin ( ) Duda / Janda

9. Taraf Kewarganegaraan : ( ) Warganegara ( ) Bukan Warganegara

10. Alamat Tempat Tinggal :

_____

_____

Poskod : _____

11. No. Telefon : (a) Rumah : _____ (b) Tel. Bimbit : _____

12. Pekerjaan : ( ) Kerajaan ( ) Swasta ( ) Sendiri ( ) badan Berkanun

( ) Lain-lain : Nyatakan : _____

13. Jawatan / Jenis Pekerjaan : _____

14. Alamat Pejabat / Surat Menyurat :

_____

_____

_____

Poskod :_____

15. No. Telefon :_____

No. Faks :_____

BAHAGIAN B: KELULUSAN AKADEMIK

16. Kelulusan Tertinggi : ( ) Ijazah / Diploma ( ) STPM/HSC ( ) SPM/MCE

( ) Darjah VI ke bawah ( ) SRP

( ) Lain-lain, Nyatakan : .....

BAHAGIAN C: KEGIATAN SUKARELA BAGI 3 TAHUN TERAKHIR
(Bagi calon Badan Sukarela sahaja, sila isikan ruangan ini)

Bil	Nama Badan Sukarela	Tempoh Masa Menjadi Ahli	Jawatan Sekarang

BAHAGIAN D: AKTIVITI/ SUMBANGAN BAGI 3 TAHUN TERAKHIR

17. Peringkat Kebangsaan:

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

18. Peringkat Negeri:

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

19. Peringkat Daerah/Mukim/Kampung:

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

BAHAGIAN E: PENGAKUAN PEMOHON

20. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang dinyatakan dalam borang ini adalah benar. Saya mengaku bahawa:

a) Saya tidak pernah diisytihar bankrap
b) Saya tiada sebarang rekod jenayah termasuk tidak disabitkan di Mahkamah.
c) Saya sihat dari segi fizikal dan mental untuk menjalankan fungsi sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital.
d) Sekiranya kenyataan di atas adalah tidak benar, YB Menteri Kesihatan berhak menamatkan perkhidmatan saya sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital jika saya telah dilantik.

_____

(Tandatangan)

Nama :

No Kad pengenalan :

Tarikh :

BAHAGIAN F: ULASAN PEMIMPIN MASYARAKAT TEMPATAN / KETUA PERTUBUHAN / BADAN SUKARELA (untuk diisi jika pencalonan daripada Ketua Pemimpin Masyarakat)

21. Pencalonan ini adalah dicadangkan.

Ulasan (jika ada)

.....

.....

Nama Pemimpin Masyarakat / Pertubuhan / Badan Sukarela Yang Mencalonkan :

.....

22. Jawatan : .....

23. Alamat Pejabat :

.....

.....

Poskod : .....

No. Telefon Pejabat : .....

BAHAGIAN G: SOKONGAN PENGARAH HOSPITAL (untuk diisi bagi pencalonan dari hospital)

24. SOKONGAN PENGARAH HOSPITAL

Pencalonan ini ( ) Disokong ( ) Tidak Disokong

Sekiranya tidak disokong, sila nyatakan sebab-sebabnya

_____

_____

_____

_____

(Tandatangan dan cop rasmi) Tarikh :_____

Nama : _____

BAHAGIAN H: KELULUSAN YB MENTERI KESIHATAN

Diluluskan : ☐ Tidak Diluluskan : ☐

Ulasan (jika ada) :

.....

.....

.....

TANDATANGAN :

TARIKH :

LAMPIRAN 2

CARTA ALIRAN PROSES PELANTIKAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL



LAMPIRAN 3

LAPORAN LAWATAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL

1. Tarikh / Masa : _____ jam_____ pg / ptg

2. Tempat :

3. Ahli-ahli :

4. Laporan :

Bil.	Masalah / Teguran / Pandangan	Cadangan

Tandatangan Ketua Pasukan : _____ Tarikh : _____

Nama : _____

5. Ulasan Pengarah Hospital

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

(Nama Pengarah dan cop)